

## Perchubaan untok mengatasi twist dan cha-cha-cha!

Berita Harian, 22 November 1964, Page 3

 Article also available on Microfilm Reel NL4317

# Perchubaan untok mengatasi twist dan cha-cha-cha!

Kumpulan Budi Utama anjorkan  
kursus tarian Melayu di-KL



OLEH

KAK TIMAH

**B**AGITU lembut dan sopan tarian Melayu bila di-tarikan oleh pasangan pemuda pemudi dengan penoh ketertiban. Dapat-kah tarian ini mengatasi tarian2 barat saperti twist, cha-cha dan sa-bagai-nya yang bagitu meluas dalam masharakat kita sekarang? Bukan sahaja di-minati oleh golongan muda, malah oleh orang2 dewasa juga.

Usaha untuk menggalakkan pemuda pemudi menchintai seni budaya bangsa-nya sendiri telah di-pelopori oleh Kumpulan Budi Utama (KUBU) Kuala Lumpur dengan menganjorkan kursus Tarian Melayu.

Kalau-lah kita berkunjung ka-Dewan Kesatuan Guru2 Melayu Selangor di-Princess Road, Kuala Lumpur, sa-tiap hari Sabtu, akan dapat kita lihat ramai pemuda dan pemudi mengikuti kursus tersebut dengan penoh mi-

Ini-lah kali ka-tujoh kursus tersebut di-adakan sejak tahun 1960. Dalam tempoh tersebut sa-ramai 200 orang pemuda pemudi telah berpeluang menyertai-nya.

Dan menurut Ketua Kumbu, Inche Abu Zaki Fadzil, kali ini-lah yang paling ramai sa-kali para peserta-nya daripada masa yang sudah2.

"Ini ia-lah kerana dewan tempat menari luas dan kami mendapat kerjasama dari pehak Kesatuan Gu-pu Melayu Selangor. Saya-nya lagi.

Ketika saya ka-sana bantuan ini, kursus tersebut baru sahaja di-mulakan dua minggu. Para peserta-nya terdiri dari 40 orang pemuda dan 18 orang pe-

## SAMBUT

Inche Zaki menyatakan kehairanan - nya kurang sa-kali mendapat sambutan darip kalangan pemudi jika di-bandingkan dengan pemuda-nya yang bagitu ramai.

"Tujuan kami mengangkat kursus Tarian Melayu ia-lah untuk menentang pengaroh tarian2 barat di-dalam masharakat kita di-samping menghidupkan kembali kebudayaan Melayu," kata-nya.

Mereka bagitu teliti mengikuti sa-tiap langkah tari guru-nya. Inche Matari Abdul Rahman. Kelihatan jula mereka tertawa sendiri bila tersalah langkah

nya itu.

Kerana bagitu ashok maka tidak mereka terasa penat walau pun mereka berulang kali menari. Mereka berhenti sa-bentar untok berehat. Tetapi ta' lama kemudian di-ulangi lagi. Sa-lama tiga jam itu entah berapa kali mereka menari.

Dewan agak tenang sadi-si sa-waktu peserta2 kursus itu berhenti rehat. Irama lagu yang mengiringi tarian itu juga ikut senyap. Mereka berbual sa-sama sendiri mengipas2kan badan dan mengesat peloh di-tahi oleh penat menari

## BATASAN

"Kami awasi sa-tiap geranigeri peserta2 kursus ini agar pergaulan mereka tidak melewati batasan. Kami tidak mahu kesempatan di-pergunakan untuk tujuan yang tidak di-ingini," kata Inche Zaki memandang ka-arah pemuda dan pemudi itu.

Bagaimana pun kami merasa shukor kerana sa-lama ini tidak pernah pula terjadi hal2 tersebut. Mereka pandai menjaga ma-tuah dalam masa pergaulan saperti ini. Tetapi kau di-luar bukan-nya pula urusan kami," beliau mene-skakan.

Saya berpeluang bertemu ramah dengan beberapa orang pemudi, ketika mereka sedang berehat.

Gadis yang termuda sa-lli saya temui ia-lah La-binti Mohammed

nasirin, penuntut form dua di Sekolah Menengah Inggeris Ampang. Dia pernah menjadi Naib Johan Lagu2 Melayu Asli dan Langgam ketika menyambut Malaysia tahun 1964.

"Keluarga saya memang chenderong dalam lapangan seni. Ada di-lapangan derama, seni suara dan seni tari. Saya sendiri meminati seni tari," kata-nya.

Gadis ini menerangkan bahawa tarian2 Melayu ini akan di-perluaskan di-ka-

langan teman2 di-sekolahnya.

"Kami harap dapat mengadakan tarian2 Melayu dalam pertunjukan pentas sekolah pada masa yang akan datang. Sa-lama ini hanya tarian2 barat sahaja yang di-tarikan," kata-nya.

Dan menurut Latiffah, sa-bagai sa-orang gadis Melayu sa-harus-nya ia menchintai seni kebudayaan bangsa-nya sendiri sa-belum di-pengarohi oleh kebudayaan asing.

"Tarian Melayu memang sopan di-tarikan dengan irungan lagu yang berirama lembut berbeza benar dengan tarian2 barat yang irama-nya ranchak," kata gadis ini lagi.

Sa-orang gadis China, Yap Suat Ngoi berumur 21 tahun tidak ketinggalan meminati seni tari Melayu.

Beliau menjadi kerani di-sabuah pejabat perniagaan di-ibu kota.

## MENARI

"Saya selalu menari tarian2 barat sahaja dalam sa-suatu majlis tari menari, sebab saya tidak tahu tarian Melayu. Dan saya hadap bila sudah pandai nanti, dapat-lah sama menarikan-nya dengan teman2 saya yang lain," ia-menambah.

Turut sama dalam kursus tarian itu sa-orang pelajar dari Pusat Latehan Harian, Jalan Kuantan, Kuala Lumpur. Gadis tersebut Saminah binti Subari berusia 18 tahun.

Saminah memang chenderong dalam lapangan seni. Dia selalu mengambil bahagian menari dalam pertunjukan sekolah-nya.

"Saya hanya menari chara ikutan2 sahaja dahulu dan tidak mempelajari sa-chara sunggoh2 sabagaimana sekarang," kata-nya ketika berhenti berhat sa-bentar. Muka-nya riang walau pun dia berpeloh2 sa-telah penat menari itu.

"Saya memang gemarkan seni tari. Tidak terasa penat, malah seronok pula. Kaki ingin sahaja menari bila musik berbunyi," kata-nya kegemiraan.

Gadis ini menyatakan keinginan-nya untuk menjadi guru tari di-satu masa nanti. Saya tidak dapat berbual panjang kerana kursus menari telah dimulakan pula. Saminah tergesa2 menuju ke-tengah dewan.

Sa-belum itu sempat juga saya berbual2 dengan guru-nya, Inche Matari Abdul Rahman yang kebetulan datang menghampiri kami.

Menurut beliau pada permulaan belajar menari memang agak sukar sebab tidak mengetahui chara-nya. "Tetapi sa-telah dasar tarian itu di-ketahui mudah pula mengikuti langkah tarian2 lain. Dan sakurang2-nya mengambil masa dua bulan," ia menjelaskan.

Inche Matari mendapat banyak pengalaman selama menjadi guru tari itu.

"Saya sendiri merasa sukar untuk menunjok ajar mereka menari pada permulaan dahulu. Dan mereka juga agak sukar pula menerima-nya. Tetapi lama kelamaan kesukaran2 itu dapat di-atasi dan sekarang nampak-nya mereka pun senang mempelajari-nya," ijar-nya.

Saya sempat juga bertemu ramah dengan bekas peserta kursus tarian yang kebetulan datang pada hari itu.

Che' Zainab Abdullah, ibu kepada tiga orang anak, tidak ketinggalan turut memberikan tenaga untuk mengajar di-kursus tersebut.

"Saya sedia memberikan kerjasama untuk mengajar nenari, sebab kursus ini diadakan sa-belan petang tidak-lah mengganggu kerjaan rumah tangga," ia menerangkan.

Peserta2 kursus di-kenakan bayaran dua ringgit sabulan.. Dan kursus kali ini akan mengambil masa selama 8 bulan mengandongi 20 buah jenis tarian2 Melayu.

Kursus tarian ini telah di-perluaskan ka-beberapa tempat termasok Maktab Perguruan Sultan Idris Tanjung Malim, Perak, Badan Kesenian Larut Matang dan Chawangan KUBU Telok Anson.

Sa-lain Inche Matari Rahman sa-bagai guru-nya, ia di-bantu pula oleh beberapa orang lagi — Inche'

Tajudin Busu, Sharifah Maheran dan Hendon Abu Bakar.

Inche Baki menerangkan kemungkinan KUBU membentok sa-buah badan 'tarian' supaya mudah mengadakan pertunjukan tarian2 Melayu di-satu2 temasha yang di-perlukan.

Bagaimana pun tarian2 Melayu pernah juga di-adakan oleh bekas peserta2 kursus itu sendiri dalam pertunjukan tarian pada masa lalu.

Satu forum membicharakan "Dasar Tarian Per-gaulan Melayu" anjoran KUBU akan di-adakan pada 29 November ini di-rumah Kesatuan tersebut. Peserta2 forum ia-lah Tengku Abu Bakar Husni, Inche Matari Rahman dan Inche Mah-fudz Hamid.



**KELIHATAN** Latiffah Mahmud (kiri) dan Yap Suot Ngori (kanan) sedang berlateh menari dengan penoh sunggoh2.

